

"Sebenarnya, saya memang selesa bersama orang tua dan sebab itu saya memilih modul membabitkan penjagaan orang tua walaupun YPKT ada menyediakan pelbagai modul lain

Zaimah



Zatul Ifah Zulkifly
zatulifah@metro.com.my

Kuala Nerus

Dia berpendidikan tinggi, tapi sanggup menyetepikan kelulusannya itu untuk bekerja sebagai 'pembantu rumah' menjaga warga emas. Itu yang dilakukan Zaimah Mar, 32, dari Kampung Kebor Air, Manir, dekat sini, yang tidak segan menyertai Program Pengurus Kediaman atau Home Manager (HM) walaupun memiliki diploma jurusan perniagaan.

Walaupun niat asal menyertai program berkenaan semata-mata mahu mendapatkan pendapatan tetap bagi menyara hidup bersama dua anak perempuan berusia lima dan enam tahun selepas rumah tangga yang dibina pada 2015 musnah, Zaimah semakin selesa dengan kerjaya pilihannya selepas hampir 13 bulan menjaga seorang warga emas, Maimunah Muda, 68.

Malah, Maimunah yang sebelum ini lumpuh dan hanya terbaring selepas diserang strok kini mampu bergerak hasil jagaan Zaimah yang bertanggungjawab menguruskannya sejak Januari tahun lalu.

Zaimah yang menamatkan pengajiannya di Kolej Teknologi Bestari di Setiu pada 2007 mengetahui mengenai program HM yang diilhamkan kerajaan negeri menerusi Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) menerusi radio dan akhbar sebelum mencuba nasibnya.

"Masa itu, niat saya memang mahu cari kerja dan memilih modul untuk penjagaan orang tua kerana saya yang pada golongan berkenaan yang memerlukan perhatian dan kasih sayang."

"Alhamdulillah, saya diterima dan saya seronok apabila melihat perubahan mak cik Maimunah. Bayangkan, mak cik ini hanya terlarut di atas katil selama enam bulan dan kini dia semakin sihat."

"Bermula untuk mencari wang bagi menampung keluarga tetapi lama-kelamaan timbul perasaan sayang dan mak cik Maimunah bersama keluarganya pula sudah saya anggap seperti keluarga mereka sendiri," kata anak bongsu daripada dua beradik itu.

Ditanya sama ada mencari kerja yang sepadan dengan kelulusannya, Zaimah berkata, dia tidak terfikir untuk mencari kerja lain buat masa ini kerana tumpuannya adalah untuk melihat majikan yang sudah dianggap seperti nenek sendiri itu sihat sepenuhnya.

ia dibuktikan apabila Zai-

PENGURUS KASIH SAYANG

Wanita terpicat kerjaya jaga warga emas secara kontrak

Masa itu, niat saya memang mahu cari kerja dan memilih modul untuk penjagaan orang tua kerana sayang pada golongan berkenaan yang memerlukan perhatian dan kasih sayang"

Zaimah



PERGERAKAN Maimunah tidak lagi terhenti selepas dibantu Zaimah

"Mereka (orang tua) ini perlukan kasih sayang dan jika kita ikhlas menjaga mereka, kita dapat rasa kasih sayang itu," katanya yang menerima gaji RM1,000 sebulan.

Bagi Maimunah pula, dia berpuas hati dengan cara Zaimah menjaganya dan sudah menganggap wanita itu seperti anaknya sendiri sebelum menghubungi YPKT untuk menyambung kontrak Zaimah.

"Selain menjaga saya, Zaimah turut menjaga suami, Hamzah Mohd Amin, 60, dan mengemas rumah serta menyediakan makanan walaupun ia bukan tugasnya."

"Dia tidak berkira dan ia membuatkan saya senang bersamanya. Walaupun dia mempunyai kelulusan, dia tidak segan bekerja sebagai pembantu rumah."

"Mungkin ada yang mahu apabila terpaksa bekerja sebagai pembantu rumah, tetapi Zaimah tidak sebegitu kerana saya lihat dia gembira dengan apa yang dilakukannya," katanya ketika ditemui di rumahnya Kampung Banggol Tok Jiring, dekat sini.



ZAIMAH melayan kehendak majikannya



nah yang sepatutnya menamatkan kontraknya pada hujung tahun lalu menyambungnya setahun lagi kerana mahu melihat warga emas itu kembali sihat.

"Saya sambung kontrak sebab mahu terus bekerja dengan mak cik Maimunah dan keluarganya yang melayan dengan baik. Memang kita bekerja untuk mencari duit te-

tapi bagi saya ia bukan isu utama kerana ia sudah membabitkan nilai kemanusiaan yang mahu melihat mak cik Maimunah sihat.

"Sebenarnya, saya memang selesa bersama orang tua dan sebab itu saya memilih modul membabitkan penjagaan orang tua walaupun YPKT ada menyediakan pelbagai modul lain

